

# Peraturan SIAC 2025: Meningkatkan kecekapan dan inovasi dalam timbang tara antarabangsa

- Edisi ketujuh Peraturan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Singapura (SIAC) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025
- Peraturan baru SIAC mengandungi penambahbaikan yang bermatlamat meningkatkan kelajuan, keberkesanan kos, kecekapan dan kebolehkuatkuasaan anugerah timbang tara SIAC
- Peraturan baru SIAC membuktikan komitmen SIAC terhadap inovasi dan kecekapan dalam bidang timbang tara antarabangsa

## Pengenalan

Peraturan SIAC 2025 merupakan pindaan pertama ada Peraturan SIAC dalam lebih lapan tahun. Dalam tempoh ini, timbang tara antarabangsa telah menyaksikan perubahan transformatif, termasuk pertumbuhan pembiayaan pihak ketiga, peningkatan penggunaan setiausaha tribunal dan peningkatan kesedaran terhadap risiko keselamatan siber, serta peningkatan permintaan untuk prosedur timbang tara yang lebih cepat dan berkesan.

Peraturan baru SIAC bertujuan untuk menangani perkembangan ini, di samping mengutamakan kecekapan, keberkesanan kos dan integriti prosedur. Peraturan ini adalah hasil proses perundingan awam selama setahun dan menikmati manfaat dari pengalaman luas SIAC dalam pengurusan kes-kes timbang tara antarabangsa.

Peruntukan utama dalam Peraturan baru SIAC termasuk Prosedur Diselaras dan Procedur Dipercepatkan yang membolehkan penyelesaian pertikaian dengan murah dan cepat, penambahbaikan peruntukan untuk penimbang tara kecemasan dan lebih ketelusan dalam pembiayaan pihak ketiga. Penambahbaikan ini bermatlamat memastikan SIAC kekal sebagai peneraju dalam arena timbang tara antarabangsa.

## Timbang tara yang lebih cepat dan kos efektif: Prosedur Diselaras dan Prosedur Dipercepatkan

Peraturan baru SIAC memperkenalkan Prosedur Diselaras untuk pertikaian ringkas yang bernilai rendah, di mana jumlah pertikaian adalah di bawah S\$1 juta (kira-kira US\$750,000 atau RM 3.3 juta), ataupun jika semua pihak bersetuju mengnai prosedur ini. Prosedur ini bertujuan untuk memudahkan penyelesaian yang cepat dan kos efektif sambil mengekalkan autonomi dan keadilan prosedur untuk semua pihak. Tribunal mesti menerbitkan anugerah akhir dalam tempoh tiga bulan dari pembentukannya, dan yuran tribunal serta yuran pentadbiran SIAC dihadkan pada 50% daripada had maksimum di bawah Jadual Yuran.

Dengan adanya Prosedur Diselaras, ambang nilai pertikaian untuk Prosedur Dipercepatkan dinaikkan kepada S\$10 juta (kira-kira US\$7.5 juta atau RM 33 juta). Di bawah Prosedur Dipercepatkan, tribunal mesti menerbitkan anugerah akhir dalam tempoh enam bulan dari pembentukannya.

Prosedur Diselaras dan Prosedur Dipercepatkan ditentukan oleh seorang penimbang tara tunggal berdasarkan dokumen sahaja, kecuali jika pendengaran dianggap perlu. Ciri-ciri ini memudahkan penyelesaian kes dengan cepat dan kos efektif dengan mengehadkan permintaan pengeluaran dokumen dan pengemukaan bukti saksi fakta atau saksi pakar.

Untuk mengelakkan hujah ketidakselarasan dengan peruntukan perjanjian timbang tara, terutamanya sebarang perjanjian yang menetapkan tribunal berbilang ahli, Peraturan baru SIAC secara jelas menyatakan bahawa Prosedur Diselaras dan Prosedur Dipercepatkan mengatasi sebarang peruntukan yang berbeza dalam perjanjian timbang tara.

### **Prosedur Penimbang Tara Kecemasan yang Dipertingkatkan**

Prosedur Penimbang Tara Kecemasan adalah salah satu ciri popular Peraturan SIAC. Peraturan baru SIAC menambahbaik prosedur ini dengan membenarkan penuntut memohon penyelesaian sementara yang mendesak sebelum memfailkan Notis Timbang Tara (Notis), dengan syarat Notis difailkan dalam tempoh tujuh hari selepas itu.

Pihak-pihak juga boleh memohon secara ex parte untuk perintah perlindungan awal, yang akan ditentukan oleh Penimbang Tara Kecemasan dalam tempoh 24 jam dari pelantikan. Perintah perlindungan awal mengarahkan pihak lain untuk tidak menggagalkan tujuan langkah sementara atau kecemasan yang diminta dan tamat tempoh selepas 14 hari. Penimbang Tara Kecemasan boleh mengeluarkan perintah atau anugerah lanjut selepas mendengar perbahasan dari semua pihak.

### **Pembentukan tribunal**

Walaupun draf Peraturan yang diterbitkan untuk perundingan awam mencadangkan prosedur senarai untuk memilih para penimbang tara, prosedur senarai tidak diguna dalam Peraturan baru SIAC. Walau bagaimanapun, Peraturan baru SIAC mengandungi ciri-ciri baru yang bermaklamat meningkatkan keadilan dalam pelantikan penimbang tara.

Jika kaedah pelantikan tribunal yang ditetapkan oleh perjanjian timbang tara menimbulkan risiko besar perlakuan tidak sama rata yang mempengaruhi kesahihan atau kebolehkuatkuasaan anugerah timbang tara, presiden SIAC (Presiden) boleh mengambil sebarang langkah untuk membentuk tribunal yang bebas dan tidak berat sebelah. Selain itu, jika pihak-pihak memiliki kewarganegaraan yang berbeza, Presiden akan melantik seorang penimbang tara tunggal atau penggerusi tribunal dengan kewarganegaraan yang berbeza, kecuali jika semua pihak setuju. Akhirnya, untuk menangani kebimbangan ramai mengenai ketersediaan penimbang tara, Peraturan baru SIAC memerlukan Presiden untuk mempertimbangkan ketersediaan calon penimbang tara untuk melaksanakan timbang tara dengan cepat dan cekap.

### **Anugerah**

Peraturan baru SIAC memberikan pihak-pihak lebih kepastian mengenai garis masa anugerah kerana tribunal dihendaki mengemukakan draf anugerahnya kepada Sekretariat SIAC dalam tempoh 90 hari dari pengemukaan terakhir. Peraturan baru SIAC juga kini menangani situasi di mana mahkamah mengembalikan anugerah kepada tribunal.

### **Pembentukan pihak ketiga**

Pihak-pihak mesti mendedahkan sebarang perjanjian pembentukan pihak ketiga dan identiti serta butiran hubungan pembentukan dalam Notis, Respons atau secepat mungkin. Setelah tribunal dibentuk, pihak-pihak tidak boleh memasuki perjanjian pembentukan pihak ketiga yang boleh menimbulkan konflik kepentingan. Tribunal boleh memerintahkan pendedahan lanjut mengenai pengaturan pembentukan, seperti kepentingan pembentukan dalam hasil timbang tara dan komitmen pembentukan untuk liabiliti kos yang merugikan, dan boleh mempertimbangkan perjanjian pembentukan pihak ketiga semasa memperuntukkan kos.

### **Kaedah penyelesaian pertikaian secara damai (ADR)**

Peraturan baru SIAC menggalakkan penggunaan kaedah ADR sepanjang proses timbang tara. Notis dan Respons boleh mengandungi komen mengenai penggunaan kaedah ADR seperti mediasi di bawah Protokol Timbang Tara-Mediasi-Timbang Tara SIAC-SIMC, dan tribunal boleh berunding dengan semua pihak mengenai potensi penyelesaian semasa persidangan pengurusan kes yang pertama.

### **SIAC Gateway**

SIAC Gateway adalah sistem pengurusan kes berasaskan awan yang membolehkan pemfailan elektronik, pembayaran dalam talian, muat naik dan penyimpanan dokumen dalam sistem, dan pengurusan kes. Peraturan baru SIAC membenarkan penuntut memfailkan Notis dalam talian melalui SIAC Gateway, dan Pendaftar SIAC boleh menganjurkan pihak-pihak memuat naik semua komunikasi bertulis ke dalam sistem ini.

## **Kodifikasi amalan terbaik global**

Selain penambahbaikan yang sudah dibincangkan di atas, Peraturan baru SIAC juga mengkodifikasikan amalan biasa dan menyatukan amalan terbaik, termasuk dari institusi-institusi timbang tara yang lain.

### **Penentuan awal isu-isu**

Bifurkasi adalah alat prosedur yang sering digunakan untuk meningkatkan kecekapan, mengurangkan kos dan menyelaraskan penyelesaian pertikaian yang kompleks dengan membahagikan prosiding kepada fasa-fasa berasingan yang memberi tumpuan pada isu-isu yang berbeza.

Peraturan baru SIAC mengkodifikasikan alat prosedur ini dan membenarkan pihak-pihak memohon kepada tribunal untuk penentuan akhir mana-mana isu pada peringkat awal, jika ia boleh menjimatkan masa dan kos atau mempercepatkan penyelesaian pertikaian. Tribunal mesti membuat keputusan mengenai permohonan ini dalam tempoh 90 hari.

### **Prosiding yang diselaraskan**

Peraturan SIAC semakin berubah dalam edisi-edisi lepas untuk mencerminkan sifat timbang tara antarabangsa yang semakin kompleks, seperti dengan memasukkan peruntukan yang menangani pertikaian berkenaan pelbagai kontrak, menyatuan prosiding-prosiding dan penyertaan pihak ketiga dalam timbang tara. Peruntukan sedemikian menyelaraskan penyelesaian pelbagai timbang tara yang kompleks, mengurangkan risiko anugerah yang bercanggah dan mengelakkan penggandaan kos merentasi pelbagai prosiding.

Peraturan baru SIAC meneruskan corak ini dengan memperkenalkan mekanisme untuk penyelesaian yang diselaraskan jikalau adanya pelbagai timbang tara yang melibatkan isu undang-undang atau fakta yang sama di mana tribunal yang sama telah dilantik. Mekanisme ini membenarkan timbang tara serentak atau berurutan, langkah prosedur yang diselaraskan atau penggantungan satu timbang tara sementara menunggu penentuan timbang tara yang lain.

### **Keselamatan maklumat**

Memandangkan risiko keselamatan siber yang semakin ketara dalam timbang tara, Peraturan baru SIAC membenarkan pihak-pihak mencadangkan dan bersetuju langkah-langkah yang munasabah untuk melindungi maklumat yang dikongsi dalam timbang tara. Tribunal dihendaki membincangkan dan mengarahkan langkah-langkah keselamatan maklumat, dengan mempertimbangkan amalan terbaik mengenai keselamatan siber dan ketahanan siber. Ketidakpatuhan oleh sebarang pihak boleh mengakibatkan sekatan, ganti rugi atau kos.

### **Setiausaha tribunal**

Peraturan baru SIAC secara jelas membenarkan tribunal melantik seorang setiausaha tribunal tetapi melarang sebarang penugasan fungsi membuat keputusan kepada setiausaha ini. Seorang ahli Sekretariat SIAC boleh dilantik sebagai setiausaha tribunal.

### **Pengemukaan**

Peraturan baru SIAC menjelaskan bahawa pihak-pihak memerlukan kebenaran tribunal untuk meminda tuntutan atau pembelaan, yang akan diberikan kecuali tidak sesuai. Walaupun draf Peraturan mencadangkan pengemukaan gaya memorial, Peraturan baru SIAC memberikan tribunal budi bicara untuk mengarahkan bahawa pengemukaan bertulis disertakan dengan kenyataan saksi dan laporan pakar.

### **Isu-isu untuk penentuan**

Peraturan baru SIAC memerlukan tribunal menggunakan usaha yang munasabah untuk mengenal pasti isu-isu yang perlu ditentukan dalam timbang tara, selepas berunding dengan semua pihak pada peringkat yang sesuai dalam proses timbang tara.

### **Sekatan**

Peraturan baru SIAC menangani kegagalan sebarang pihak untuk mengemukakan Pernyataan Tuntutan atau Pembelaan tepat pada masanya. Selain itu, jika pihak-pihak gagal mematuhi Peraturan atau sebarang arahan, keputusan, ketetapan, perintah atau anugerah tribunal atau untuk menghadiri sebarang mesyuarat atau pendengaran, tribunal boleh meneruskan timbang tara, mengenakan sekatan dan membuat anugerah berdasarkan bukti yang ada.

## **Pendengaran jarak jauh**

Peraturan baru SIAC membenarkan persidangan pengurusan kes dan pendengaran dijalankan secara bersemuka, dalam bentuk hibrid atau melalui persidangan video, telekonferens atau apa-apa bentuk komunikasi elektronik yang lain.

## **Kesimpulan**

Peraturan SIAC 2025 menandakan satu pencapaian penting dalam evolusi timbang tara antarabangsa dan mencerminkan keinginan SIAC untuk terus berada di barisan hadapan, serta kepekaannya terhadap keperluan pengguna dan corak global. Dengan memperkenalkan mekanisme untuk prosiding yang lebih cepat dan lebih menjimatkan kos, meningkatkan keadilan prosedural dan menangani cabaran moden, SIAC jelas merancang agar Peraturan barunya akan mengukuhkan kedudukannya sebagai institusi terkemuka dalam landskap timbang tara antarabangsa.

Authors: Gautam Bhattacharyya, Timothy Cooke, Joyce Fong

[reedsmith.com](http://reedsmith.com)

ABU DHABI ASTANA ATHENS AUSTIN BEIJING BRUSSELS CENTURY CITY CHICAGO DALLAS  
DUBAI FRANKFURT HONG KONG HOUSTON LONDON LOS ANGELES MIAMI MUNICH NEW YORK  
ORANGE COUNTY PARIS PHILADELPHIA PITTSBURGH PRINCETON RICHMOND SAN FRANCISCO  
SHANGHAI SILICON VALLEY SINGAPORE TYSONS WASHINGTON, D.C. WILMINGTON

**ReedSmith**